

PERSEPSI BELIA TERHADAP TAHAP KESELAMATAN DIRI AKIBAT JENAYAH BUKAN FIZIKAL DI MALAYSIA

Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar

ABSTRAK

Persepsi memainkan peranan yang besar dalam membentuk tindakan dan membuat keputusan. Pada hari ini, kes jenayah bukan fizikal semakin meningkat, dan semakin parah apabila ia melibatkan anggota keselamatan sendiri. Pastinya, ia memberi persepsi yang pelbagai dalam kalangan masyarakat. Oleh yang demikian, artikel ini akan mengkaji tahap persepsi keselamatan akibat jenayah bukan fizikal dalam kalangan belia. Model Kepercayaan Kesihatan digunapakai sebagai kerangka dalam kajian. Metodologi kajian melalui rekabentuk kuantitatif melalui pendekatan survei. Seramai 406 orang responden terlibat yang dipilih secara rawak mudah. Kajian mendapati persepsi belia terhadap tahap keselamatan akibat jenayah bukan fizikal adalah pada tahap negatif. Ini dapat dilihat hasil daripada skor nilai min pada konstruk keselamatan, konstruk kebimbangan, konstruk halangan, konstruk motivasi dan konstruk faedah. Perbincangan lanjut dan cadangan penambahbaikan adalah seperti yang dicadangkan.

Kata Kunci: *jenayah, integriti, keselamatan, politik, belia*

ABSTRACT

Perception plays a big role in shaping actions and making decisions. Today, the non-physical criminal case is increasing, and getting worse when it involves members of security forces. a variety of perceptions in society is imminent. Therefore, this article will examine the level of security perception due to non-physical crimes among young people. The Health Believe Model is used as a framework in studies. The methodology of this study is through quantitative design with a survey approach. A total of 406 respondents were involved with the simple random samples technique. The study found the perception of youth towards the level of security due to non-physical crimes

was at a negative level. This can be seen as the result of the min value score on the security construct, the concerned constructs, the obstruction construct, the motivational construct, and the benefit construct. Further discussions and proposed improvements are as suggested.

Keywords: *criminal, integrity, security, safety, politics, youth*

PENDAHULUAN

Keselamatan individu mahupun kolektif merupakan keperluan yang sangat penting. Sebagaimana dalam Teori Hirarki Maslow yang klasik sering menjadi sandaran dalam perbincangan dalam kajian sains sosial. Bagi Teori Maslow, keselamatan (*security and safety*) merupakan asas kedua terpenting selepas keperluan fisiologi (McLeod, 2020). Penekanan ini sangat jelas akan keperluan terhadap keselamatan. Oleh yang demikian, bagi menjamin keselamatan yang lebih baik, tahap keselamatan perlu dikenalpasti agar tindakan pencegahan jenayah dapat dibuat.

Dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM), keselamatan awam merupakan salah satu daripada sembilan sub komposit daripada index kesejahteraan sosial (Department of Statistics Malaysia, 2020). Keselamatan awam pastinya adalah berkait rapat dengan pencegahan jenayah. Kadar jenayah yang tinggi membuatkan wujudnya perasaan ketakutan. Perasaan ketakutan memberi persepsi bahawa tahap keamanan dan keselamatan sesebuah negara atau negeri adalah lemah. Ini adalah ukuran atau barometer yang seringkali dirujuk dan digunakan dalam kebanyakan negara. Ukuran terhadap tahap keselamatan dibuat dengan pelbagai cara. Antara metodologi yang sering menjadi rujukan ialah melalui soal selidik. Melalui metodologi ini, isu-isu semasa berkaitan tahap keselamatan dapat dipastikan, seterusnya diformulasikan pelan tindakan.

Kadar jenayah yang meningkat di Malaysia sebenarnya menggusarkan rakyat dan mengancam ketenteraman awam. Ini terbukti apabila data daripada Laporan Indeks Jenayah 2021 Asia Tenggara oleh Numbeo.com, sebuah agensi penyelidikan yang berpangkalan di Serbia, mendapati Malaysia berada

yang teratas dalam senarai negara ASEAN (NUMBEO, 2021). Rajah 1 Laporan Kedudukan Indeks Jenayah 2021 Bagi Negara Asia Tenggara di bawah adalah petikan dapatan daripada laporan tersebut.

Select date: 2021

Select display column: ---All columns---

[More information about these indices](#)

Search:

Rank	Country	Crime Index	Safety Index
1	Malaysia	57.89	42.11
2	Cambodia	51.22	48.78
3	Myanmar	47.17	52.83
4	Indonesia	46.23	53.77
5	Vietnam	46.09	53.91
6	Philippines	42.16	57.84
7	Thailand	39.38	60.62
8	Singapore	32.98	67.02
9	Brunei	28.03	71.97


Showing 1 to 9 of 9 entries

Rajah 1 Laporan Kedudukan Indeks Jenayah 2021 Bagi Negara Asia Tenggara

Jika diamati daripada laporan ini, ia menyenaraikan dua aspek iaitu indeks jenayah dan indeks keselamatan. Dapat difahami, dalam konteks jenayah, Malaysia mencatat jenayah yang paling tinggi berbanding negara Asean lain. Manakala dalam aspek keselamatan, Malaysia mencatat indeks yang paling rendah. Maka, secara keseluruhannya, Malaysia menduduki tangga pertama dalam kalangan negara Asean, dan ini sesuatu yang sangat membimbangkan. Ini kerana indeks ini turut menyenaraikan jenayah yang fizikal serta jenayah bukan fizikal seperti rasuah, korupsi, ancaman seksual bukan fizikal, komersial dan siber. Walaupun terdapat beberapa laporan dalam negara menyatakan indeks jenayah menurun (BERNAMA, 2020; Dass, 2019) atau pun menaik (BERNAMA, 2021; Hakim et al., 2019; Nawawi, 2021; Rosni et al., 2019), namun kebanyakan analisa tersebut merujuk kepada laporan dan kes yang telah direkodkan. Manakala instrumen yang diguna oleh

numbeo.com adalah merujuk kepada persepsi dan perasaan ketakutan.

Secara amnya, klasifikasi jenayah di Malaysia dibahagikan kepada dua iaitu jenayah indeks dan jenayah bukan indeks. Jenayah indeks pula terbahagi kepada dua kategori, iaitu pertama, jenayah kekerasan yang merangkumi bunuh, rogol, samun berkumpulan tanpa senjata api, samun berkumpulan dengan senjata api, samun tanpa senjata api, samun dengan senjata api dan mendatangkan kecederaan. Kedua ialah jenayah harta benda, iaitu yang merangkumi kesalahan pecah rumah atau curi, kecurian kenderaan dengan sub-klasifikasi sebagai curi motokar, curi motosikal, curi lori/van/jentera berat, curi ragut dan kecurian lain-lain.



Rajah 2 Jumlah Kes Jenayah Tahun 2015-2019

Sumber: Laporan Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan Statistik Malaysia

Melalui perbandingan data jumlah kes jenayah indeks selama lima tahun iaitu daripada tahun 2015 hingga ke 2019, ia boleh difahami kes jenayah indeks adalah menurun, tetapi jumlah kes jenayah komersial pula meningkat. Data bagi tahun 2020 pula memperlihatkan sebanyak 27,323 kes iaitu peningkatan sebanyak 898 kes berbanding tahun 2019. Dalam pada itu, jenayah siber merekodkan sejumlah 9686 kes sepanjang 2019. Manakala pada Mei 2020, kes jenayah siber merekodkan hampir kepada 5000 kes (Hasnan,

2020). Ini seperti laporan yang diberikan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Di Raja Malaysia pada Julai 2021 bahawa jumlah kes jenayah komersial dengan jenayah siber yang melibatkan penipuan e-dagang, pinjaman tidak sah dan penipuan pelaburan yang dengan kerugian RM2.23 billion dari tahun 2017 hingga Jun 2021 (Mohamed Basyir, 2021).

Maka, dapatlah difahami bahawa, kes jenayah bukan fizikal menunjukkan tren yang semakin meningkat. Data daripada numbeo.com juga menyatakan masalah rasuah dan korupsi menyumbang sebanyak 74.10% persepsi dan ia merupakan yang tertinggi berbanding bentuk jenayah-jenayah lain. Oleh kerana belia serta kanak-kanak merupakan golongan yang paling banyak terdedah kepada kes-kes jenayah sebegini, maka adalah amat penting persepsi belia diukur dan diketahui. Ini bagi membolehkan tindakan susulan boleh dirangka bertepatan dengan masalah yang dihadapi.

Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan persepsi belia terhadap tahap keselamatan akibat jenayah bukan fizikal, yang berbeza dengan dapatan-dapatan sebelum ini. Ini penting kerana dalam kerangka Model Kepercayaan Kesihatan, terdapat korelasi antara persepsi dan perkara yang sebenarnya berlaku. Dalam konteks ekonomi, ia sebenarnya memberi impak negatif terhadap perkembangan sosial dan ekonomi negara secara amnya. Jadi, artikel ini akan cuba menjawab beberapa objektif yang telah ditetapkan dan seterusnya membincangkan secara terperinci kerangka kajian serta dapatan kajian. Persepsi terhadap jenayah bukan fizikal merupakan satu lagi indikator yang boleh dipertimbangkan dalam memahami serta mencakna jenayah di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Bagi mendapatkan jawapan kepada persepsi tahap keselamatan akibat jenayah bukan fizikal, artikel ini mensasarkan tiga objektif, iaitu:

- a. Mengenalpasti faktor persepsi belia terhadap jenayah bukan fizikal;
- b. Mengenalpasti sikap belia terhadap persepsi halangan keselamatan; dan

- c. Mengenalpasti tahap persepsi belia terhadap keselamatan akibat jenayah bukan fizikal.

SOROTAN KARYA

Keperluan keselamatan adalah sangat penting. Teori klasik Hirarki Maslow sering menjadi sandaran dalam perbincangan dalam kajian sains sosial. Keselamatan yang merupakan asas kedua terpenting selepas keperluan fisiologi memberi penekanan yang sangat jelas terhadap keperluan keselamatan. Oleh yang demikian, tahap keselamatan perlu dikenalpasti agar tindakan pencegahan jenayah dapat dibuat bagi menjamin keselamatan yang lebih baik.


Jenayah boleh difahami sebagai perbuatan yang menyalahi undang-undang universal mahupun undang-undang sebuah negara. Jenayah terbahagi kepada dua iaitu jenayah indeks yang merangkumi perbuatan yang melibatkan kekerasan seperti bunuh, rogol, samun dengan atau tanpa senjata, culik, serta cedera parah. Jenayah bukan indeks pula perbuatan pecah rumah, curi kenderaan, ataupun ragut. Namun, perubahan teknologi yang semakin canggih setiap hari, telah mewujudkan variasi jenayah yang lebih kompleks tanpa melibatkan kekerasan atau kecederaan fizikal, tetapi boleh mendatangkan impak yang sangat besar terhadap emosi, kognitif dan rasional seseorang.

Jumlah aduan dan kejadian kes yang melibatkan jenayah bukan fizikal semakin meningkat di Malaysia terutamanya dalam kes jenayah komersial dan pedofilia (BERNAMA, 2021; Nawawi, 2021). Dalam konteks rasuah pula, laporan oleh Transparency International, menunjukkan persepsi rasuah semakin memburuk di Malaysia pada 2020 (TI-Malaysia, 2021) dan ini sejajar dengan dapatan oleh numbeo.com. Ini dapat dikaitkan dengan jumlah kes tangkapan yang direkodkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (MAMPU, 2021). Maka dapat difahami bahawa peningkatan kes yang melibatkan jenayah bukan fizikal sangat membimbangkan, dan ia membentuk persepsi yang negatif dalam kalangan rakyat. Persepsi negatif ini boleh menyebabkan kesan secara langsung terhadap pertumbuhan ekonomi dan pengkayaan negara dalam usaha menjadi sebuah negara sejahtera 2030 nanti.

Tahap keselamatan akibat jenayah bukan fizikal yang terbentuk daripada persepsi sangat penting untuk difahami. Oleh itu, selain menggunakan Teori Hirarki Maslow, Model Kepercayaan Kesihatan juga bermanfaat dalam memahami persepsi tahap keselamatan rakyat Malaysia.

Model Kepercayaan Kesihatan

Model Kepercayaan Kesihatan (*The Health Belief Model, HBM*) adalah satu model yang secara umumnya dipercayai dan diterima kerana mempunyai kuasa prediktif yang sangat tinggi (Barakat & Kasemy, 2020; Christensen et al., 2020; Mohd Azmir Mohd Nizah et al., 2020b; Shahnazi et al., 2020). Model HBM adalah panduan teoretikal dalam memahami kegagalan orang awam mematuhi strategi pencegahan penyakit atau ujian saringan untuk pengesanan awal penyakit. Ia merupakan model yang dikembangkan pada tahun 1950 oleh pengamal psikologi sosial Perkhidmatan Kesihatan Awam Amerika Syarikat. HBM dibangunkan daripada teori psikologi tingkah laku dengan asas bahawa terdapat dua komponen tingkah laku yang berkaitan dengan kesihatan. Pertama, keinginan untuk mengelakkan penyakit, atau keinginan untuk sembuh daripada penyakit. Kedua, kepercayaan bahawa tindakan kesihatan tertentu dapat mencegah, atau menyembuhkan penyakit. HBM mempunyai beberapa komponen penting untuk memberikan kerangka penjelasan berkaitan bagaimana individu mentafsir sesuatu keadaan dan sekaligus bertindak mengikut tafsiran tersebut (Barakat & Kasemy, 2020; Carico et al., 2021; Costa, 2020; Jose et al., 2021; Taylor et al., 2006; Tong et al., 2020; Wong et al., 2020). Rajah 3 Model Kepercayaan Kesihatan merujuk kepada Model Kepercayaan Kesihatan dan berpotensi untuk diubahsuai sebagai Model Kepercayaan Keselamatan.



Rajah 3 Model Kepercayaan Kesehatan

Komponen pertama HBM ialah anggapan kerentanan yang dirasakan. Ia adalah merujuk kepada persepsi subjektif individu terhadap risiko mendapat penyakit dan kesakitan (Al-Tahitah et al., 2021). Dalam konteks artikel ini boleh dikatakan persepsi terhadap risiko keselamatan. Terdapat banyak variasi dalam perasaan kerentanan seseorang terhadap keselamatan. Kedua ialah anggapan keterukan yang dirasakan yang merujuk kepada persepsi individu terhadap keseriusan jenayah yang berlaku (atau tiada kesan) terhadap diri. Terdapat banyak variasi persepsi keterukan ini, dan individu akan mempertimbangkan akibat dari segi kesukaran atau kesan akibat perbuatan jenayah bukan fizikal, seperti statistik yang meningkat dalam kalangan kakitangan awam serta anggota keselamatan sendiri. Variasi kedua persepsi keterukan ini ialah dari segi sosial (misalnya kehidupan keluarga, hubungan sosial serta persepsi awam) ketika menilai darjah keterukan (Williams et al., 2014). Ketiga, ialah anggapan manfaat yang dirasakan iaitu merujuk kepada persepsi individu mengenai keberkesanan pelbagai tindakan yang ada untuk mengurangkan ancaman jenayah bukan fizikal atau untuk meningkatkan tahap keselamatan. Tindakan yang dilakukan untuk mencegah atau menghalang perbuatan atau elemen bergantung pada pertimbangan dan penilaian terhadap kerentanan yang dirasakan dan manfaat yang dirasakan, sehingga individu


tersebut akan menerima tindakan kesihatan yang disyorkan jika dianggap bermanfaat. Ini juga bergantung kepada penilaian risiko dan dagangan keselamatan (Mohd Azmir Mohd Nizah, 2020; Schneier, 2008). Keempat, anggapan halangan yang dirasakan yang merujuk kepada perasaan individu terhadap halangan untuk melakukan tindakan keselamatan yang disyorkan. Terdapat banyak variasi dalam halangan perasaan seseorang, atau halangan yang menyebabkan mereka menganalisa kos atau faedah. Pertimbangan keberkesanan tindakan terhadap persepsi bahawa ia mungkin berisiko, berbahaya, tidak menyenangkan (contohnya ugutan), memakan masa atau menyusahkan.

Kelima, isyarat untuk bertindak yang merujuk kepada rangsangan yang diperlukan untuk memacu proses membuat keputusan untuk menerima tindakan keselamatan yang disyorkan. Petunjuk ini boleh bersifat dalaman (peranan agama, etika atau tanggungjawab) atau yang bersifat luaran (contohnya nasihat orang lain, anggota keluarga, artikel surat khabar, dan kerajaan). Keenam, keberkesanan diri yang merujuk kepada tahap keyakinan seseorang terhadap kemampuannya untuk berjaya melakukan sesuatu tingkah laku. Konstruk ini ditambahkan pada model terkini pada pertengahan 1980. Keberkesanan diri adalah konstruk dalam banyak teori tingkah laku kerana secara langsung ia berkait rapat dengan tingkah laku yang diinginkan (Williams et al., 2014).

HBM dapat memberikan kerangka penjelasan terhadap persepsi keselamatan (Mohd Azmir Mohd Nizah et al., 2020a; Williams et al., 2014). Sebagai contoh, sekiranya orang awam merasakan mereka mudah terjebak dalam aktiviti jenayah bukan fizikal. Pengetahuan yang ada ialah penipuan atau 'scam' sangat generik. Kesedaran terhadap bentuk atau jenis penipuan yang ada sangat cetek. Menerima maklumat yang tepat berkenaan corak penipuan melalui mana-mana sumber yang sah dan benar pasti banyak membantu. Akhir sekali, kesedaran bahawa etika, peranan agama, sumber maklumat yang sah, serta integriti sahaja yang mampu meningkatkan persepsi tahap keselamatan yang baik.

Namun jika sebaliknya, sekiranya yakin bahawa tiada kebarangkalian tindakan dan berasakan jenayah bukan fizikal bukan sesuatu yang serius. Tetapi persepsi halangan yang dirasakan lebih tinggi daripada manfaatnya seperti mendapat ganjaran yang lumayan, tidak terkesan oleh jenayah bukan fizikal dan sebagainya, dan orang di sekeliling juga tidak mengendahkan, tentunya akan mempengaruhi tindak-tanduk untuk melakukan jenayah tersebut kerana tiada keyakinan bahawa perbuatan tersebut tidak mampu dihalang oleh undang-undang. Persepsi kepercayaan ini menyebabkan berlaku kes jenayah bukan fizikal meningkat. Kerangka teori HBM ini dapat memberi penjelasan bahawa perbuatan jenayah bukan fizikal berkait rapat dengan bagaimana kognitif menilai sesuatu situasi berdasarkan risiko dan perdagangan keselamatan seterusnya mengubah perlakuan masyarakat (Mohd Azmir Mohd Nizah et al., 2020b). Manakala, apabila merujuk kepada instrumen yang digunakan oleh NUMBEO sebagaimana di dalam Rajah 4 Instrumen NUMBEO , dapat dilihat 13 instrumen yang digunakan adalah berdasarkan persepsi. Dalam aspek kebolehsahan, instrumen yang digunakan adalah identikal dengan kebanyakan instrumen yang digunapakai sebagaimana yang dinyatakan dalam laman sesawang NUMBEO (2021). Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan pendekatan yang sama bagi menentukan tahap persepsi dan bentuk persepsi belia terhadap jenayah bukan fizikal di Malaysia.

Rajah 4 Instrumen NUMBEO



Sumber diadaptasi daripada

https://www.numbeo.com/crime/country_result.jsp?country=Malaysia

Melalui perbincangan diatas, dapat disimpulkan bahawa persepsi terhadap keselamatan boleh difahami dengan lebih baik apabila menggunakan kerangka HBM. Penulisan dalam konteks psikologi keselamatan banyak dibincangkan dalam aspek kesan, teknologi maklumat, media sosial dan juga keselamatan antarabangsa, tetapi masih lagi belum dijelaskan melalui kerangka ini. Kerangka HBM yang popular dan mempunyai kuasa prediktif yang tinggi boleh digunakan dalam mendalami tahap kesedaran masyarakat, terutamanya dalam konteks persepsi terhadap tahap keselamatan akibat peningkatan kadar kenayah bukan fizikal yang berlaku di Malaysia. Kerangka ubahsuai daripada Model Kepercayaan Kesihatan kepada Model Kepercayaan Keselamatan juga cuba direalisasikan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan mengaplikasikan pendekatan soal selidik. Satu set soalan dibangunkan berdasarkan faktor-faktor yang ada dalam kerangka Model Kepercayaan Kesihatan yang diubahsuai. Set soalan kemudian disebarluaskan secara purposif dengan memohon belia yang berumur 18 hingga 25 tahun untuk menjawab soalan secara dalam talian. Item yang dibangunkan menggunakan skala Likert dengan pilihan lima jawapan. Setiap responden hanya boleh menjawab sekali sahaja soalan survei tersebut. Masa yang diambil ialah selama 21 hari bagi pengumpulan data. Data kemudian diproses ke dalam Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26. Data dianalisa melalui deskriptif dan rujuk silang. Ia bagi mendapatkan kesahan item yang digunakan, serta mendapatkan nilai min bagi setiap konstruk agar dapat dibentang dan dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

HASIL KAJIAN

Kajian ini menggunakan set soalan yang diadaptasi dan disesuaikan dengan faktor sebagaimana yang dinyatakan dalam Model kepercayaan Kesihatan. Seramai 412 orang belia menyertai kajian ini daripada seluruh Malaysia, namun hanya 406 sahaja responden yang diproses di peringkat akhir atas faktor kepercayaan dan kebolehsahan. Responden menjawab menggunakan borang survei yang dibina melalui aplikasi *Google Form* dan disebarluaskan

secara dalam talian. Bagi menjamin kebarangkalian replikasi, borang survei telah dihadkan hanya sekali cubaan bagi setiap individu. Borang survei dibahagikan kepada lima konstruk, iaitu konstruk keselamatan, konstruk kebimbangan, konstruk halangan, konstruk motivasi dan konstruk faedah selain soalan demografi. Sejumlah 21 instrumen yang digunakan dengan hanya 19 instrumen yang diproses diperingkat akhir.

Konstruk Keselamatan

Bagi konstruk keselamatan, hanya dua instrumen akhir yang menepati syarat minimum kebolehsahan melalui nilai Alpha Cronbach iaitu .778 (0.6 >) (Taber, 2018). Namun begitu, kedua-dua item yang dianalisa menunjukkan kebolehsahan yang boleh diterima. Oleh yang demikian, boleh difahami dalam konstruk keselamatan, responden menunjukkan persepsi keselamatan negatif yang tinggi. Jadual 1 Nilai Cronbach Alpha Bagi Konstruk Keselamatan adalah dirujuk.

Jadual 1 Nilai Cronbach Alpha Bagi Konstruk Keselamatan Kebolehsahan Item

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.778	.782	2

Jadual 2 Nilai Min Bagi Item Dalam Konstruk Keselamatan Item

	Mean	Std. Deviation	N
1. Saya rasa tidak selamat akibat banyak kes jenayah terancang	4.32	.850	406
2. Saya rasa tidak selamat dengan kakitangan kerajaan yang terlibat dengan jenayah terancang	4.46	.738	406

Konstruk Kebimbangan

Jadual 3 Nilai Cronbach Alpha Bagi Konstruk Kebimbangan Kebolehsahan Item

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.620	.766	5

Jadual 3 Nilai Cronbach Alpha Bagi Konstruk Kebimbangan, terdapat lima instrumen akhir yang menepati syarat minimum kebolehsahan dengan nilai Alpha Cronbach iaitu .620 ($0.6 >$) (Taber, 2018). Walaupun nilainya agak rendah, tetapi masih boleh diterima (Pallant, 2011).

Jadual 4 Nilai Min Bagi Item Dalam Konstruk Kebimbangan Item

	Mean	Std. Deviation	N
3. Saya bimbang saya boleh terjebak dengan kegiatan sindiket jenayah terancang kelak	3.64	1.274	406
4. Jenayah terancang di sempadan negara mengancam kedaulatan negara.	4.70	.555	406
5. "Macau Scam" mengancam tahap keselamatan negara	4.61	.667	406
6. Sindiket penipuan kad pengenalan mengancam kedaulatan negara	4.79	.481	406
7. Sindiket penipuan pasport Imigresen mengancam keselamatan dalam negara	4.80	.474	406

Jadual 4 Nilai Min Bagi Item Dalam Konstruk Kebimbangan menunjukkan skala min yang tinggi kecuali bagi item no 3, namun masih lagi menunjukkan tahap kebimbangan yang tinggi bagi setiap aspek soalan. Secara keseluruhan, dapat difahami bahawa responden menunjukkan tahap kebimbangan keselamatan yang agak tinggi.

Konstruk Halangan

Jadual 5 Nilai Cronbach Alpha Bagi Konstruk Halangan Kebolehsahan Item

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.757	.768	4

Jadual 5 Nilai Cronbach Alpha Bagi Konstruk Halangan terdapat empat item yang diproses pada peringkat akhir. Nilai Cronbach Alpha 0.757 menunjukkan bahawa kesemua item boleh diterima sahkan. Nilai ini adalah agak tinggi sebagaimana yang difahami secara konvensyen (DeVellis, 2003; Pallant, 2020).

Jadual 6 Nilai Min Bagi Item Dalam Konstruk Halangan Item

	Mean	Std. Deviation	N
8. Sikap tidak jujur segelintir anggota keselamatan adalah punca kes jenayah bukan fizikal meningkat	4.68	.587	406
9. Tahap etika sangat rendah segelintir anggota keselamatan adalah punca kes jenayah bukan fizikal meningkat.	4.61	.660	406
10. Wujudnya ugutan oleh pihak sindiket terhadap anggota keselamatan.	4.31	.878	406
11. Terdapat sindiket yang dilindungi oleh segelintir anggota keselamatan.	4.50	.743	406

Jadual 6 Nilai Min Bagi Item Dalam Konstruk Halangan pula, empat item yang diproses dengan nilai min setiap item melebihi nilai 4 dengan yang terendah ialah 4.31 dan tertinggi ialah 4.68. Dapat difahami bahawa dalam konstruk halangan, persepsi negatif belia terhadap halangan-halangan yang ada sepertimana yang berdasarkan soalan survei yang diformulasi.

Konstruk Motivasi

Jadual 7 Nilai Cronbach Alpha Bagi Konstruk Motivasi Kebolehsahan Item

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.697	.660	5

Manakala bagi konstruk motivasi pula, terdapat lima item yang dianalisa dengan nilai Cronbach ialah 0.697. Pallant (2020) dan Nunnally & Bernstein (1994) menyatakan nilai di bawah 0.65 hingga 0.69 boleh diterima kerana disebabkan oleh faktor soalan-soalan yang berkonotasi negatif. Jadual 7 menunjukkan nilai bagi kebolehsahan item-item tersebut.

Dalam Jadual 8 Nilai Min Bagi Item Dalam Konstruk Motivasi adalah dipamerkan seperti dibawah. Skor nilai min bagi item tertinggi ialah 4.86 iaitu dalam konteks peranan tegas kerajaan dalam kes penggubahan wang haram, manakala yang skor min terendah ialah 2.71 iaitu berkenaan persepsi peranan ahli politik mampu menjamin keselamatan awam, yang menterjemahkan ketidakpercayaan belia terhadap ahli politik.

Jadual 8 Nilai Min Bagi Item Dalam Konstruk Motivasi

Item	Std.		
	Mean	Deviation	N
12. Pihak kerajaan harus tegas dalam menangani sindiket penipuan wang	4.84	.431	406
13. Pihak kerajaan harus tegas dalam menangani aktiviti penggubahan wang haram.	4.86	.436	406
14. Hanya pihak kerajaan sahaja mampu menjamin keselamatan awam	3.47	1.198	406
15. Hanya pihak anggota keselamatan mampu menjamin keselamatan awam.	3.49	1.179	406

16. Hanya ahli politik sahaja mampu menjamin keselamatan awam	2.71	1.241	406
---	------	-------	-----

Konstruk Faedah

Dalam Jadual 9 Nilai Cronbach Alpha Bagi Konstruk Faedah pula, sebanyak tiga item dianalisa secara statistik, dan nilai Cronbach ialah 0.784 yang memberi erti bahawa item-item dalam konstruk faedah ini boleh dipercayai dan boleh ditentukan.

Jadual 9 Nilai Cronbach Alpha Bagi Konstruk Faedah

Cronbach's Alpha	Kebolehsahan Item	
	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.784	.788	3

Ini dapat dilihat pada Jadual 10 sebagaimana yang dinyatakan di bawah. Item berkenaan peranan agama dan kesedaran sivik mempunyai nilai skor min yang tinggi iaitu 4.48 dan kesedaran etika pula sedikit rendah iaitu skor min 4.38. Skor ini menunjukkan bahawa belia mempunyai persepsi yang tinggi terhadap faedah peranan agama, etika dan sivik dalam menjadi penghalang kepada terjebaknya belia dalam aktiviti-aktiviti haram sindiket.

Jadual 10 Nilai Min Bagi Item Dalam Konstruk Faedah

	Item Statistics		
	Mean	Std. Deviation	N
17. Dengan adanya pendidikan agama mampu menghalang saya dari terjebak dengan aktiviti-aktiviti haram sindiket	4.48	.833	406
18. Hanya dengan kesedaran etika mampu menyedarkan saya daripada terjebak dengan aktiviti-aktiviti haram sindiket.	4.38	.852	406

19. Kesedaran sivik mampu menghalang saya dari terlibat dengan aktiviti jenayah bukan fizikal	4.48	.756	406
---	------	------	-----

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, lima konstruk dalam kajian ini, iaitu konstruk keselamatan, konstruk kebimbangan, konstruk halangan, konstruk motivasi dan konstruk faedah menunjukkan nilai kebolehpercayaan item yang munasabah dan diterima sebagaimana dalam pendapat pakar-pakar statistik (Nunnally & Bernstein, 1994; Pallant, 2011; Taber, 2018; Tavakol & Dennick, 2011; Zainudin Awang, 2014). Jadual 11 sepertimana di bawah dapat dilihat dan difahami bahawa semua konstruk ini boleh digunakan untuk menilai persepsi belia terhadap persoalan keselamatan akibat jenayah bukan fizikal.

Walaupun terdapat beberapa soalan yang dikeluarkan kerana tidak menepati statistik kebolehpercayaan yang minimum, namun sekiranya ditambahbaik soalan dan dibuat kajian semula, maka ia akan menjadi sebuah kajian yang lebih baik. Sebagai contoh, item dalam konstruk keselamatan, hanya dua soalan sahaja yang diterima diperingkat akhir, tetapi nilai min skor bagi konstruk ini boleh diterima dan adalah pada kadar baik (Pallant, 2011). Persepsi belia yang berasa tidak selamat akibat banyak kejadian jenayah terancang dan rasa tidak selamat dengan jumlah kakitangan kerajaan yang terlibat dalam aktiviti jenayah bukan fizikal ini boleh difahami dan diakui. Ini dapat dihujahkan dengan jumlah kes-kes yang dilihat semakin banyak melibatkan kakitangan awam serta jumlah secara keseluruhan yang meningkat, antaranya melibatkan kes-kes kartel daging, kartel tender kerajaan, kartel kad pengenalan dan pelbagai lagi (BERNAMA, 2021; Hasimi Muhamad, 2020; Hasnan, 2020; Izwan Rozlin & Muhammad Afham Ramli, 2020; Noor Atiqah Sulaiman, 2021; Nur Harasha Alias, 2019; Zamani Ibrahim, 2021). Hakikatnya, semua kes-kes ini bukan sahaja boleh menjejaskan tahap keselamatan, malahan juga memberi kesan terhadap kesejahteraan mental (Rosni et al., 2019).

Manakala dalam konstruk kebimbangan pula, ia sebenarnya merujuk kepada risiko ketakutan akan jenayah yang berlaku. Berdasarkan jumlah min bagi konstruk ini, maka dapatlah difahami bahawa responden secara umumnya mempunyai rasa bimbang yang sederhana. Hasil kajian ini adalah sejajar dengan dapatan oleh Rosni et al., (2019) yang menyatakan bahawa risiko menjadi mangsa jenayah adalah sederhana. Namun, harus diperhatikan juga tentang perspektif item-item lain dalam konstruk ini.

Dalam konstruk halangan yang membentuk persepsi belia merekodkan nilai min yang tinggi. Kesemua item merekodkan nilai min melebihi nilai 4 yang memberi makna bahawa belia melihat sikap tidak jujur, tahap etika yang rendah, kepercayaan wujudnya bentuk-bentuk ugutan serta kepercayaan anggota keselamatan dilindungi oleh kartel atau sindiket adalah halangan-halangan yang wujud dalam persoalan integriti penjawat awam dan juga swasta. Ini dapat dilihat hasil daripada laporan-laporan akhbar yang banyak mendedahkan kes-kes jenayah tanpa fizikal sebegini (Bernama, 2021b; Maisarah Sheikh Rahim, 2021; PNBBCPortal, 2021; Sinar Harian, 2021).

Namun begitu, belia juga mempunyai pengharapan dan motivasi yang tinggi dalam peranan kerajaan menangani sindiket-sindiket yang wujud dengan lebih tegas. Di samping itu, belia juga mempunyai persepsi bahawa tugas tersebut bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata, kerana berpendapat ada pihak lain juga perlu diberi tanggungjawab, dengan contoh organisasi masyarakat sivil serta pihak swasta lain melalui program-program tanggungjawab sosial komuniti. Tetapi responden belia berpendapat ahli politik tidak mampu menjamin keselamatan awam. Ini besar kemungkinan beberapa isu besar yang berlaku banyak melibatkan ahli politik dalam kes-kes cabul, tuduhan rogol, dadah, mengedar ganja, dan rasuah yang pastinya menjejaskan keselamatan awam secara umumnya (Asliza Musa, 2021; Bernama, 2021a; Suraidah Roslan, 2021; Zabry Mohamad Madzlan, 2020). Oleh yang demikian, satu kajian khusus perlu dibuat bagi memastikan isu-isu sebegini dapat dikurangkan pada masa hadapan. Ini kerana ia bukan sahaja boleh menjejaskan persepsi keselamatan awam malah ia juga mampu memberi konotasi negatif terhadap institusi politik dan pentadbiran Malaysia, sekaligus boleh menjejaskan perkembangan ekonomi Malaysia pasca Covid-19.

Jadual 11 Kebolehsahan Item Bagi Konstruk

Konstruk	Kebolehsahan Item		
	Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
Keselamatan	.778	.782	2
Kebimbangan	.620	.766	5
Halangan	.757	.768	4
Motivasi	.697	.660	5
Faedah	.784	.788	3

Selain daripada itu, dalam konstruk faedah pula, dengan skor min yang tertinggi dalam semua konstruk, ia membuktikan bahawa konstruk ini adalah sangat penting dan mempunyai nilai yang besar dalam konteks persepsi tahap keselamatan terhadap jenayah bukan fizikal. Belia percaya bahawa agama, etika dan sivik mampu memberi faedah yang besar dalam usaha meningkatkan integriti dan kebertanggungjawaban dalam menangani isu tahap keselamatan terhadap jenayah bukan fizikal. Oleh yang demikian, program atau kajian yang lain boleh memfokuskan kepada penerapan nilai dan dogma agama dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan Malaysia daripada ancaman jenayah bukan fizikal yang semakin meningkat dan menekan, apatah lagi pasca Covid-19 ini. Ini adalah berdasarkan laporan bahawa kes jenayah bukan fizikal menunjukkan tren yang semakin meningkat sebagaimana dalam perbincangan awal dalam artikel ini.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati persepsi belia terhadap tahap keselamatan akibat jenayah bukan fizikal adalah pada tahap negatif. Ini dapat dilihat hasil daripada skor nilai min pada setiap konstruk yang dikaji dalam artikel ini. Konstruk keselamatan, konstruk kebimbangan, konstruk halangan, konstruk motivasi dan konstruk faedah yang sesuai dengan Model Kepercayaan Kesihatan yang diubah suai boleh menjelaskan tahap keselamatan di Malaysia. Kajian ini boleh ditambahbaik dengan analisa statistik korelasi ataupun regresi bagi mendapatkan input yang lebih luas termasuklah persoalan demografi, perbezaan jantina dan juga etnik belia terhadap faktor-faktor yang membentuk persepsi negatif responden. Artikel ini hanya membincangkan tentang kebolehsahan konstruk dan ia jelas membuktikan konstruk ini boleh digunapakai dan proses pembentukan Model Kepercayaan Keselamatan adalah sangat penting.

RUJUKAN

- Al-Tahitah, A. N., Al-Sharafi, M. A., & Abdulrab, M. (2021). How COVID-19 Pandemic Is Accelerating the Transformation of Higher Education Institutes: A Health Belief Model View. *Studies in Systems, Decision and Control*, 348, 333–347. https://doi.org/10.1007/978-3-030-67716-9_21
- Asliza Musa, . (2021, June 27). Ahli politik antara 6 ditangkap kerana berjudi -Utusan Digital. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/ahli-politik-antara-6-ditangkap-kerana-berjudi/>
- Barakat, A. M., & Kasemy, Z. A. (2020). Preventive health behaviours during coronavirus disease 2019 pandemic based on health belief model among Egyptians. *Middle East Current Psychiatry*, 27(1). <https://doi.org/10.1186/s43045-020-00051-y>
- Bernamea. (2021a). Ahli politik, isteri didakwa edar dan tanam ganja. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/786757/ahli-politik-isteri-didakwa-edar-dan-tanam-ganja>
- Bernamea. (2021b). Ketua balai antara lapan ditahan kerana berhibur di balai polis. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ketua-balai-antara-lapan-ditahan-kerana-berhibur-di-balai-polis-309563>
- Bernamea. (2020, April 7). COVID-19: Indeks jenayah Malaysia turun 70 peratus. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674126/covid-19-indeks-jenayah-malaysia-turun-70-peratus>
- Bernamea. (2021, April 12). Kes jenayah komersial seluruh negara meningkat. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/04/694084/kes-jenayah-komersial-seluruh-negara-meningkat>

- Carico, R. R., Sheppard, J., & Thomas, C. B. (2021). Community pharmacists and communication in the time of COVID-19: Applying the health belief model. In *Research in Social and Administrative Pharmacy* (Vol. 17, Issue 1, pp. 1984–1987). Elsevier Inc. <https://doi.org/10.1016/j.sapharm.2020.03.017>
- Christensen, I. P., Wagner, H. L., Halliday, M. S., Christensen, I. P., Wagner, H. L., & Halliday, M. S. (2020). Health Belief Models. In *Instant Notes Psychology*. <https://doi.org/10.1201/9781003059332-80>
- Costa, M. F. (2020). Health belief model for coronavirus infection risk determinants. *Revista de Saude Publica*, 54. <https://doi.org/10.11606/S1518-8787.2020054002494>
- Dass, R. A. S. (2019). *Crime Trends and Patterns in Malaysia*. Kyoto Review of Southeast Asia. <https://kyotoreview.org/trendsetters/crime-trends-and-patterns-in-malaysia/>
- Department of Statistics Malaysia. (2020). Malaysian well-Being Index 2019. In *Department of Statistics Malaysia Press Release*.
- DeVellis, R. F. (2003). *Scale development: Theory and applications (2nd edn)*. Thousand Oaks, California: Sage. (2nd ed.). Sage.
- Hakim, H. M., Khan, H. O., Hamzah, H. H., Othman, M. F., Nelson, B. R., Chambers, G. K., Edinur, H. A., Abdullah, M. T., & Rasudin, N. S. (2019). Violent crime datasets: Incidence and patterns in Malaysia from 2006 to 2017. *Data in Brief*, 26, 104449. <https://doi.org/10.1016/j.dib.2019.104449>
- Hasimi Muhamad. (2020). *Malaysia duduki tangga ke-4 indeks jenayah di rantau Asia, menurun berbanding 2019*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-duduki-tangga-ke4-indeks-jenayah-di-rantau-asia-menurun-berbanding-2019-251313>

- Hasnan, H. A. (2020). Hampir 5,000 jenayah siber tahun ini: Ini senarai kawalan sendiri untuk anda! *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hampir-5000-jenayah-siber-tahun-ini-ini-senarai-kawalan-kendiri-untuk-anda-241964>
- Izwan Rozlin & Muhammad Afham Ramli. (2020). Kartel tukar daging haram jadi halal. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/112898/LAPORAN-KHAS/Kartel-tukar-daging-haram-jadi-halal>
- Jose, R., Narendran, M., Bindu, A., Beevi, N., L, M., & Benny, P. V. (2021). Public perception and preparedness for the pandemic COVID 19: A Health Belief Model approach. *Clinical Epidemiology and Global Health*, 9(June 2020), 41–46. <https://doi.org/10.1016/j.cegh.2020.06.009>
- Maisarah Sheikh Rahim. (2021). Terima suapan lebih RM1 juta, tiga termasuk dua Pegawai Daerah ditahan SPRM. *Utusan Online*. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/terima-suapan-lebih-rm1-juta-tiga-termasuk-dua-pegawai-daerah-ditahan-sprm/>
- MAMPU. (2021). *Statistik Tangkapan Pesalah Rasuah - 2020 statistik tangkapan pesalah rasuah*. https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-tangkapan-pesalah-rasuah/resource/cf09179d-43a3-4790-aa41-84412245e501?inner_span=True
- McLeod, S. A. (2020). *Maslow's Hierarchy of Needs*. Simply Psychology. <https://www.simplypsychology.org/maslow.html>
- Mohamed Basyir. (2021, July 16). Malaysians suffered RM2.23 billion losses from cyber-crime frauds. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/crimecourts/2021/07/708911/malaysians-suffered-rm223-billion-losses-cyber-crime-frauds>

- Mohd Azmir Mohd Nizah. (2020). *Psikologi Keselamatan Sangat Penting dalam Perjuangan Menentang Covid 19*. Negeri FM, Radio & Television Malaysia.
- Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar, & Wirawahida Kamarul Zaman. (2020a). Analisa Kes Ingkar Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 - Fasa 5 Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Psikologi Keselamatan*, 2, 83–92.
- Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar, & Wirawahida Kamarul Zaman. (2020b). Analisa Psikologi Keselamatan Terhadap Kes Ingkar Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1- Fasa 5 Melalui Kerangka Maqasid Syariah. *3rd International Seminar on Islam and Science 2020, 2020*, 85–98.
- Nawawi, H. (2021). Kes pedofilia bertambah. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/02/670457/kes-pedofilia-bertambah>
- Noor Atiqah Sulaiman. (2021, April 5). SPRM lumpuh kartel monopoli tender kerajaan RM3.8 bilion. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/803673/sprm-lumpuh-kartel-monopoli-tender-kerajaan-rm38-bilion>
- NUMBEO. (2021). *South-Eastern Asia: Crime Index by Country 2021*. https://www.numbeo.com/crime/rankings_by_country.jsp?title=2021®ion=035
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill, Inc.
- Nur Harasha Alias. (2019). Penolong Pengarah JPN dan 5 individu didakwa terlibat sindiket jual MyKad. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penolong-pengarah-jpn-dan-5-individu-didakwa-terlibat-sindiket-jual-mykad-217341>

- Pallant, J. (2011). *SPSS Survival Manual* (4th ed.). Allen & Unwin.
- Pallant, J. (2020). Checking the reliability of a scale. In *SPSS Survival Manual* (pp. 102–106). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003117452-12>
- PNBBCPortal. (2021). Polis sekongkol dengan suspek Macau Scam perlu diperangi. *PN BBC Portal*. <http://www.pnbbsportal.com/2021/03/16/polis-bersekongkol-dengan-suspek-macau-scam-perlu-diperangi/>
- Rosni, F., Wan Sulaiman, W. S., & Kamaluddin, M. R. (2019). Ketakutan Terhadap Jenayah dalam Kalangan Pelajar Universiti di Malaysia: Analisis Terhadap Faktor Penyumbang. *Kajian Malaysia*, 37(2), 147–171. <https://doi.org/10.21315/km2019.37.2.7>
- Schneier, B. (2008). The Psychology of Security. In *The Psychology of Security*. In: Vaudenay S. (eds) *Progress in Cryptology – AFRICACRYPT 2008.: Vol. 5023 LNCS* (Issue 4, pp. 50–79). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-540-68164-9_5
- Shahnazi, H., Ahmadi-Livani, M., Pahlavanzadeh, B., Rajabi, A., Hamrah, M. S., & Charkazi, A. (2020). Assessing preventive health behaviors from COVID-19: a cross sectional study with health belief model in Golestan Province, Northern of Iran. *Infectious Diseases of Poverty*, 9(1). <https://doi.org/10.1186/s40249-020-00776-2>
- Sinar Harian. (2021). Pegawai, dua anggota polis ditahan bersubahat sindiket dadah. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/129509/BERITA/Semasa/Pegawai-dua-anggota-polis-ditahan-bersubahat-sindiket-dadah>
- Suraidah Roslan. (2021, June 4). Ahli politik terlibat kes cabul direman empat hari. *Utusan Online*. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/ahli-politik-terlibat-kes-cabul-direman-empat-hari/>

- Taber, K. S. (2018). The Use of Cronbach's Alpha When Developing and Reporting Research Instruments in Science Education. *Research in Science Education*, 48(6), 1273–1296. <https://doi.org/10.1007/s11165-016-9602-2>
- Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). Making sense of Cronbach's alpha. *International Journal of Medical Education*, 2, 53–55. <https://doi.org/10.5116/ijme.4dfb.8dfd>
- TI-Malaysia. (2021). *Malaysia - Transparency.org*. <https://www.transparency.org/en/countries/malaysia>
- Taylor, D., Bury, M., Campling, N., Carter, S., Garfield, S., Newbould, J., & Rennie, T. (2006). A Review of the use of the Health Belief Model (HBM), the Theory of Reasoned Action (TRA), the Theory of Planned Behaviour (TPB) and the Trans-Theoretical Model (TTM) to study and predict health related behaviour change. In *National Institute for Health and Clinical Excellence* (Issue June).
- Tong, K. K., Chen, J. H., Yu, E. W. yat, & Wu, A. M. S. (2020). Adherence to COVID-19 Precautionary Measures: Applying the Health Belief Model and Generalised Social Beliefs to a Probability Community Sample. *Applied Psychology: Health and Well-Being*, 12(4). <https://doi.org/10.1111/aphw.12230>
- Williams, C. K., Wynn, D., Madupalli, R., Karahanna, E., & Duncan, B. K. (2014). Explaining users' security behaviors with the security belief model. *Journal of Organizational and End User Computing*, 26(3), 23–46. <https://doi.org/10.4018/joeuc.2014070102>
- Wong, L. P., Alias, H., Wong, P. F., Lee, H. Y., & AbuBakar, S. (2020). The use of the health belief model to assess predictors of intent to receive the COVID-19 vaccine and willingness to pay. *Human Vaccines and Immunotherapeutics*, 16(9), 2204–2214. <https://doi.org/10.1080/21645515.2020.1790279>

Zabry Mohamad Madzlan. (2020). Ahli Parlimen paling ramai rasuah. *Utusan Online*. <https://www.utusan.com.my/rencana/2020/12/ahli-parlimen-paling-ramai-rasuah/>

Zainudin Awang. (2014). *A Handbook on SEM For Academicians and Practitioners*. MPWS Rich Resources.

Zamani Ibrahim. (2021). *Integriti penjawat awam: Di mana silapnya? - ismaweb*. Ismaweb.Net.<https://ismaweb.net/2021/06/10/integriti-penjawat-awam-di-mana-silapnya/>